

# Bincang kelestarian insan

UTHM adakan persidangan, runkai isu dan cabaran dalam konteks pembangunan sosial

**BATU PAHAT** – Kelestarian insan difikirkan elemen terpenting kesejahteraan sejagat untuk masa hadapan kerana kelestarianlah sesebuah negara mampu membangun dengan jayanya.

Menyedari hakikat itu, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), melalui Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan (FSTPI) mengadakan Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2014.

Naib Canselor UTHM, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, persidangan itu bertujuan merungkai isu dan cabaran berkaitan kelestarian insan.

Katanya, dalam persidangan berkenaan, para ilmuan dan cendekiawan akan berkumpul dan berbincang isu dan cabaran berkaitan kelestarian insan, dalam konteks pembangunan sosial untuk negara.

“Dengan perkongsian maklumat berkenaan, ia mampu mencambah idea ber-nas bagi membangunkan modal insan berkualiti dalam pelbagai sektor pembangunan negara.

“Dengan bertemakan Kelestarian Insan Menjana Transformasi Pembangunan Negara, saya berharap persidangan berkenaan mampu memberikan impak besar,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi persidangan, Prof Madya Dr Khairul Azman Mohd Suhaimy berkata, objektif persidangan adalah untuk memberikan kesedaran kepada umum.

Katanya, masa kini pelbagai isu dan cabaran timbul ketika usaha untuk pembangunan negara, seperti halangan fizikal serta sikap seseorang individu yang kurang perpaduan.

“Sepatutnya kelestarian insan ini per-

lu dipraktikkan agar ia mampu mengatasi isu dan cabaran yang timbul, dan setiap isu yang timbul itu seharusnya dikongsi bersama agar perpaduan dapat diertakan.

“Penganjuran persidangan ini juga selari agenda Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan memberikan ruang kepada ahli akademik dan profesional berkongsi maklumat mereka peroleh.

“Ia juga mampu membuka ruang melakukan penyelidikan daripada berbagai dimensi baharu, untuk dipraktikkan dan dimanfaatkan bagi kepentingan integrasi nasional,” katanya.

**Mohd Noh (kiri) menerima cenderahati ketika perasmian Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2014.**

